

Tingkat program pendidikan, kempen keselamatan elak nahas jalan raya

Baru-baru ini, negara digemparkan dengan insiden tragis kemalangan jalan raya, membabitkan kematian sepasang suami isteri serta bayi perempuan mereka yang berusia tujuh bulan di Lebuhraya Duta-Ulu Klang (DUKE), Kuala Lumpur.

Peristiwa itu mengundang perasaan sedih serta marah pelbagai pihak. Walaupun ia masih dalam siasatan, pelbagai isu berkaitan keselamatan di jalan raya bermain di fikiran pelbagai pihak. Kejadian membabitkan kemalangan jalan raya bukanlah isu atau berita yang jarang kita dengar malah, berlaku hampir setiap hari.

Persoalannya kini, kenapa perkara terbabit masih berlaku sedangkan negara kita dikatakan mempunyai sistem jaringan jalan raya yang baik setanding negara maju, serta sistem perundangan

yang sentiasa diguna pakai bagi mengawal selia serta menjamin aspek keselamatan pemandu ketika berada di jalan raya di negara ini seperti Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333).

Kemalangan jalan raya boleh

“
Aspek pendidikan adalah paling utama bagi memastikan pengguna, terutama pemandu lebih berdisiplin ketika berada di jalan raya”

berlaku disebabkan beberapa faktor, namun faktor utama yang dilihat adalah salah laku individu itu sendiri. Kemalangan jalan raya disebabkan salah laku bukan sahaja akan membawa kerugian besar kepada masyarakat dan negara, malah menyebabkan kehilangan nyawa pengguna jalan raya yang tidak berdosa.

Pihak berkuasa perlu ambil tindakan tegas

Oleh kerana itu, pihak berkuasa perlu mengambil tindakan tegas serta segera bagi mengatasi masalah terbabit berterusan berlaku dalam negara kita.

Masalah salah laku dalam kalangan pengguna jalan raya boleh diselesaikan melalui tiga cara iaitu kesedaran melalui pendidikan mengenai aspek keselamatan di jalan raya, penguatkuasaan tegas undang-undang yang berkaitan bagi membendung isu salah laku

dijalan raya serta penyelidikan secara berterusan yang perlu dilakukan pihak berkaitan bagi memastikan kualiti jalan raya serta aspek keselamatan jalan kekal terpelihara serta ditambah baik setiap masa.

Antara semua penyelesaian yang dinyatakan, aspek pendidikan adalah paling utama bagi memastikan pengguna, terutama pemandu lebih berdisiplin ketika berada di jalan raya.

Untuk tujuan mengurangkan masalah salah laku jalan raya, pengguna jalan raya harus dididik pada setiap masa supaya mempunyai kesedaran keselamatan jalan raya dan juga mempunyai sahsiah diri yang betul sebagai seorang pengguna jalan raya.

Pendidikan untuk mengurangkan salah laku jalan raya perlu dilaksanakan dari semasa ke semasa, iaitu sebelum seseorang itu

menjadi pemandu, sewaktu menerima latihan memandu dan selepas diberi lesen memandu.

Pendidikan awal

Pendidikan ini boleh disampaikan melalui tiga cara iaitu pendidikan awal pada zaman persekolahan yang boleh disampaikan melalui mata pelajaran pendidikan moral, melalui sekolah memandu serta melalui komunikasi awam seperti televisyen, radio dan media sosial.

Kempen berkaitan keselamatan jalan raya perlu dibuat setiap masa bagi melahirkan kesedaran dan pada masa yang sama dapat memberi pendidikan berterusan mengenai aspek keselamatan serta perlunya mempunyai sikap saling hormat menghormati ketika berada di jalan raya.

Muzaffar Syah Mallow,
Universiti Sains Islam Malaysia